

JANUARI  
2020

Aspirasi  
Kegemilangan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknpp.gov.my

## KDYMM SPB RAJA PERMAISURI AGUNG PERKENAN MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN TENUN PAHANG DIRAJA BIL. 4/2020



KDYMM SPB Raja Permaisuri Agung sedang mempengerusikan mesyuarat

Kuala Lumpur - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj telah mengampuni perkenan untuk mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Tenun Pahang Diraja Bil.4/2020 baru-baru ini.

Mesyuarat tersebut telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama, Istana Negara, Kuala Lumpur bermula jam 10.00 pagi. Pihak PKNP diwakili oleh Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Puan Noraini binti Misran, Ketua Pegawai Operasi Pusat Kecemerlangan Tenun Pahang Diraja.

## LAWATAN KERJA YAM TENGU MUDA PAHANG KE KUALA LINGGI INTERNATIONAL PORT (KLIP)



YAM Tengku Muda Pahang berkenan bergambar bersama anggota TGA

Kuala Linggi, Melaka, 28 Januari - Yang Amat Mulia Tengku Muda Pahang Tengku Abdul Rahman Al-Haj ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah selaku Pengerusi TGA Solutions Sdn. Bhd. (TGA) telah berangkat melakukan lawatan kerja ke Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi, Melaka (KLIP) baru-baru ini.

Lawatan kerja ini bertujuan untuk melihat operasi KLIP yang diuruskan oleh TAG Marine Sdn. Bhd. (TAG) yang berpangkalan di Kuala Linggi Melaka. Melalui cadangan usahasama di antara TAG dan Tanjung Agas Maritime Park (TAMP) diharapkan akan dapat membawa projek ini ke Tg Agas, Pekan dalam waktu terdekat.

YAM Tengku Muda juga telah diberi taklimat oleh pihak TAG MARINE berkaitan operasi dan syarikat yang turut dihadiri oleh Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan TGA.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar, Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md. Daud bin Abdul Rahman dan Pengurus Teknik, Tuan Haji Mohamad Hasrizal bin Hasim.

## KERAJAAN NEGERI PAHANG ANJUR LAWATAN TEKNIKAL KE THAILAND - PKNP TURUT SERTA!

Bangkok, 9 Januari - Kerajaan negeri Pahang telah menganjurkan program Lawatan Teknikal ke Bangkok, Thailand bermula pada 9 - 10 Januari 2020 yang lalu.

PKNP turut menyertai lawatan teknikal ini dengan tujuan untuk mengenalpasti para pelabur yang bakal menandatangani perjanjian/memorandum persefahaman dalam Misi Pelaburan ke Thailand yang dijadualkan pada 27 - 29 Februari 2020 di Bangkok, Thailand.



Delegasi Negeri Pahang bergambar bersama TYT Duta Malaysia ke Thailand

Delegasi lawatan diketuai oleh YH Dato' Haji Fadzilah Haji Saleh, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) termasuklah 15 ahli delegasi yang mewakili Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, BPEN, PKNP, Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang (PKPP) dan ECERDC. PKNP diwakili oleh Tuan Haji Md. Daud bin Abdul Rahman, Pengurus Perindustrian.

## RASB SERTAI BENGKEL TENUN LIMAR SIRI 2

Rawang, 20 Januari - PKNP melalui anak syarikatnya Realistic Attraction Sdn. Bhd. (RASB) telah menyertai Bengkel Tenun LIMAR Siri 2 yang telah berlangsung di Institut Kraf Negara, Rawang, Selangor baru-baru ini.

KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj telah mengampuni perkenan bercemer duli berangkat ke bengkel ini untuk beramah mesra dengan para peserta. Bengkel ini berlangsung selama empat hari bermula pada 20 Januari hingga 24 Januari 2020.

Penganjuran bengkel ini adalah untuk mendedahkan para peserta dengan Teknik Limar salah satu teknik terbaharu Tenun Pahang Diraja. Teknik ini adalah berbeza dengan teknik tenunan biasa seperti colek, sapuan dan ikat. Dua orang anggota pekerja RASB telah menghadiri bengkel ini.



"Cuba kemahiran"...KDYMM SPB Raja Permaisuri Agung mencuba teknik Limar

## KERAJAAN NEGERI PAHANG ANJUR SEMINAR PEMAKAIAN ATLET SUKAN PATUH SYARIAH PERINGKAT NEGERI PAHANG - PKNP TURUT HANTAR PESERTA



Penyerahan resolusi seminar kepada YAB Menteri Besar Pahang

Kuantan, 21 Januari - Sebagai agensi di bawah Kerajaan negeri, PKNP sentiasa memberikan sokongan ke atas program-program anjuran pihak kerajaan di negeri ini.

Terbaharu, PKNP telah menghantar seramai lima orang peserta bagi menyertai Seminar Pemakaian Atlet Sukan Patuh Syariah Peringkat Negeri Pahang yang telah diadakan di Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang.

Majlis perasmian dan penutup telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Haji Wan Ismail. Di akhir seminar, YB Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang merangkap Penaung Seminar Pemakaian Atlet Sukan Patuh Syariah Negeri Pahang telah menyampaikan resolusi seminar kepada YAB Menteri Besar Pahang.

## "AMBIL MANFAAT DAN PELUANG SEBAIK MUNGKIN UNTUK MENIMBA ILMU", - KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP

Kudasang, Sabah 13 Januari - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar menyeru kepada peserta kursus untuk mengambil manfaat dan peluang sebaik mungkin untuk menimba ilmu dan mempraktikkannya di peringkat organisasi masing-masing.

Saranan ini dibuat oleh beliau ketika menyampaikan ucapan aluan di Majlis Makan Malam anjuran pihak Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) bagi meraikan para peserta bengkel *Creative Problem Solving & Decision Making* yang dianjurkan oleh Biro Latihan Gemaputera.



Peserta Kursus bergambar kenangan

Beliau juga merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak SEDCO yang telah banyak memberikan bantuan kepada pihak PKNP selaku Pengerusi Biro Latihan Gemaputera Sesi 2018-2020. Program latihan ini telah berlangsung di Hotel Hotel Perkasa Mount Kinabalu, Kudasang, Sabah selama dua hari bermula pada 13 Januari sehingga 14 Januari 2020 dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah.

Penganjuran program ini disasarkan penyertaannya dari kalangan Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif serta Pengurus Kanan dari Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

Seramai 25 peserta dari Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, Perbadanan Kemajuan Negeri Negeri Sembilan, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang telah menghadiri program ini.

Ketua Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar adalah merupakan salah seorang peserta program ini. Turut menyertai ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun dan Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md. Daud bin Abdul Rahman.

**PERSARAAN PAKSA ANGGOTA PEKERJA PKNP**



"Thumb Print" hari akhir bekerja di PKNP

Anggota pekerja PKNP, Encik Md Yusoff bin Talib bersara paksa pada usia 60 tahun berkuatkuasa 23 Januari 2020. Beliau yang memulakan perkhidmatan di PKNP sebagai Pelayan Pejabat pada 1 Mei 1978 telah ditawarkan pelantikan sebagai Kerani mulai 19 November 1979. Pada 1 Februari 1988, Encik Md Yusoff bin Talib telah dipinjamkan ke PASDEC Corporation Sdn.Bhd iaitu sehingga 2 Mei 1996. Beliau kemudiannya ditawarkan ke Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 pada 1 November 2002 sebelum dinaikkan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 secara Khas Untuk Penyangang (KUP) mulai 1 Julai 2009.

Pengurusan PKNP seterusnya telah bersetuju untuk menempatkan Encik Md Yusoff bin Talib kepada jawatan Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 Hakiki berkuatkuasa 1 Ogos 2019. Beliau yang telah berkhidmat selama 41 tahun 8 bulan pernah dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) sempena Ulang Tahun Yang Ke-78 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada tahun 2008.

PENGGERAK dan seluruh warga kerja PKNP mengucapkan Selamat Bersara kepada Encik Md Yusoff bin Talib .

**KELAB KELUARGA KUMPULAN PKNP ANJUR KEJOHANAN FUTSAL DAN NETBALL TERTUTUP 2020 - CUNGKIL BAKAT-BAKAT BAHARU**



Ahli-ahli kelab yang menyertai kejohanan

Kuantan, 18 Januari - Kejohanan Futsal dan Netball Tertutup anjuran Kelab Keluarga Kumpulan PKNP 2020 bau-baru ini berjaya mencungkil bakat-bakat baharu yang bakal mewakili PKNP pada masa hadapan.

Sambutan yang diterima daripada adalah amat menggalakkan daripada ahli-ahli kelab yang menyertai beberapa acara seperti Futsal Berpasukan Lelaki, Netball Shootout Campuran dan Tendangan Penalti Futsal. Keputusan sepintas lalu:

**Futsal Terbuka Lelaki**

- ▶ Juara : PASUKAN SEBERTAK
- ▶ Naib Juara : PASUKAN KERDAU
- ▶ Ketiga : PASUKAN JAMBU RIAS

**Netball Shootout Campuran**

- ▶ Juara : Hj Md Daud bin Abdul Rahman  
: Abdul Nasir bin Abdul Manan  
: Nur Haniza binti Abdul Hamid  
: Faridah binti Mohamed Sidek
- ▶ Naib Juara : Mohammad Norhafizie bin Suhaimi  
: Ahmad Bahrurrazzi bin Abas  
: Nurul Syuhadah binti Md Yusoff  
: Nurul Aishah binti Shibroman Maisib
- ▶ Ketiga : Mohammad Amran bin Abdullah  
: Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman  
: Hjh Norizan binti Ab Aziz  
: Che Nor Shamsina binti Che Yahya

**Tendangan Penalti Futsal**

- ▶ Juara : Pasukan Kemayan

**RASB TERIMA KUNJUNGAN PELAJAR KOLEJ KEMAHIRAN BERLIAN, KEMAMAN**

Kuantan, 14 Januari - Anak Syarikat PKNP, Realistic Attraction Sdn. Bhd. (RASB) telah menerima kunjungan seramai 45 orang pelajar termasuk 11 orang tenaga pengajar dari Kolej Kemahiran Berlian (KMB), Kemaman baru-baru ini.

Aktiviti menenun secara tradisional dan keupayaan untuk mengekalkan Tenun Pahang Diraja sebagai warisan seni halus Pahang telah menjadi tarikan utama Kompleks Pengembangan Tenun Pahang Diraja Sultan Haji Ahmad Shah yang diuruskan oleh RASB menjadi lokasi kunjungan.

Selain itu, ahli rombongan berpeluang untuk melihat sendiri demonstrasi menenun selain diberi penerangan tentang penghasilan produk Tenun Pahang Diraja sebelum dibawa ke Galeri Diraja yang menempatkan pelbagai koleksi pakaian rekaan pereka fesyen terkenal Malaysia dengan menggunakan tekstil Tenun Pahang Diraja.



Lawatan para pelajar KMB - memanfaatkan ilmu dan pengetahuan berkaitan industri Tenun Pahang Diraja

**MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL SUKAN KEJOHANAN SUKAN GEMAPUTERA XVI SELANGOR 2020 - KONTINJEN PKNP BUAT PERSIAPAN**

Shah Alam, 23 Januari - Susulan dari Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kejuhanan Sukan Gemaputera XVI Selangor 2020 yang telah diadakan di Dewan Auditorium Datuk Seri Harun Idris, Kompleks PKNS, Shah Alam, Kontinjen PKNP akan persiapan terakhir bagi menghadapi kejuhanan sukan dwi tahunan ini terutamanya setelah mengetahui kedudukan pasukan PKNP dalam kumpulan mengikut acara yang dipertandingkan.

Pihak PKNS selaku tuan rumah mesyuarat telah mengatur sesi pengundian untuk acara-acara sukan seperti Bola Jaring, Badminton, Ping Pong, Futsal, Dart dan Karom. Sepintas lalu, keputusan pengundian ini adalah adil dan tidak memberikan sebarang kelebihan kepada pasukan-pasukan yang bertanding. Kontinjen PKNP akan membuat persediaan rapi dan merangka strategi bagi menghadapi pasukan-pasukan dalam kumpulan yang telah ditetapkan.

Di samping itu juga beberapa isu berkaitan status kelayakan pendaftaran pemain telah mencapai kata sepakat sepertimana yang telah ditetapkan dalam Peraturan Am Sukan Gemaputera XVI Selangor 2020. Di dalam mesyuarat ini juga, pihak penganjur telah memperkenalkan Pegawai Perhubungan (Liasion Officer) untuk semua kontinjen yang bakal bertanding.

PKNP diwakili oleh Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim, Pengurus Hal Ehwal Korporat dan Encik Abdul Nasir bin Abdul Manan, Setiausaha Kehormat Kelab Keluarga Kumpulan PKNP.



"Bakal beraksi di Sukan Gemaputera XVI Selangor 2020" - wakil-wakil PKN bergambar selepas sesi pengundian



**Pembentangan prestasi anak-anak syarikat PKNP**



Sebanyak enam anak syarikat PKNP telah membentangkan prestasi masing-masing. Empat syarikat telah mencatatkan keuntungan manakala dua syarikat lagi mengalami kerugian

Firman Allah S.W.T : Daripada Abu Sa'id Al Khudri dan Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda; "Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kegusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahan-kesalahannya." (Hadith riwayat al-Bukhari, No : 5641, Muslim, No : 2573, at-Tirmizi, No : 966, Ahmad, No : 7684, 8070, 10714)

**BCIC HOLDINGS SDN. BHD. KINI DIKENALI BCIC LODGE SDN. BHD.**



" Penuh keceriaan" - tetamu kehormat yang hadir

Kuantan, 24 Januari - BCIC Holdings Sdn. Bhd. dijenama semula dan kini dikenali dengan nama BCIC Lodge Sdn. Bhd dalam usaha syarikat untuk meningkatkan imej dan menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan.

Pelancaran logo baharu dan pertukaran nama telah dibuat di Majlis Makan Malam Tahunan BCIC Holdings Sdn. Bhd 2020 di salah sebuah hotel terkemuka di sini.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif PKNP ketika menyampaikan ucapan aluan merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada semua warga BCIC di atas kejayaan mencatatkan keuntungan pada tahun kewangan 2019 setelah mengalami kerugian sejak tahun 2015 hingga 2018.

***Sidang Redaksi***

*Penaung / Penasihat*  
Encik Mohd Faizal bin Jaafar  
**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

*Penyelaras Penerbitan*  
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

*Ketua Editor*  
Puan Mazilah binti Mansor

*Pengarang*  
Puan Suhaili binti Mohd Kenali  
Puan Faridah binti Mohd Yusoff  
Encik Ahmad Nur Azrul Bin Che Rezali  
Puan Fadila binti Abdul Khalid  
Puan Che Nor Shamsina binti Che Yahya  
Puan Shasiela binti Zulkifli

*Grafik*  
Puan Aimi Syazana binti Ahmad  
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli  
Encik Mohd Firdaus bin Abdul Hamid

*Jurufoto*  
Encik Saiful Azli bin Yahia  
Encik Iskandar bin Abdul Samad